

02/07/2002

Pasaran saham kukuh bukti peralihan kuasa diterima baik

Kadir Dikoh

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi melahirkan rasa lega kerana pasaran tidak memberi reaksi negatif selepas proses peralihan kepemimpinan dalam parti dan kerajaan, diumumkan Selasa lalu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, reaksi pasaran yang menggalakkan itu adalah bukti proses peralihan kuasa diterima baik kerana wujud kepastian dalam politik negara.

Malah katanya, reaksi menggalakkan itu juga diterima daripada sektor swasta dan rakyat Malaysia keseluruhannya.

"Saya amat gembira (dengan reaksi ini). Ia membuktikan bahawa apa yang ada dalam pemikiran (Perdana Menteri Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad) dalam memastikan peralihan (kuasa) yang licin diterima baik rakyat Malaysia dan sektor swasta," katanya selepas merasmikan Persidangan e-Kerajaan Malaysia 2002 di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, wujud kebimbangan pada peringkat awal mengenai kemungkinan berlaku ketidaktentuan terutama apabila Dr Mahathir mengumumkan peletakan jawatan Sabtu lalu.

"Jika itu (terus) berlaku, ia boleh menyebabkan kehilangan keyakinan (pelabur), tetapi pasaran memberi reaksi menggalakkan (kemudian)," katanya ketika diminta memberi pandangan mengenai reaksi pasaran kepada pengumuman tempoh peralihan kuasa dalam masa 16 bulan akan datang.

Apabila pasaran mula dibuka Isnin lalu, Indeks Komposit (IK) Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) jatuh 2.3 peratus kepada 726.5 mata berikutan sikap berhati-hati pasaran selepas pengumuman mengejut Dr Mahathir.

Pada penutup dagangan hari itu, IK yang mengesan 100 saham terpilih, jatuh 16.85 mata ke paras terendahnya dalam tempoh tiga bulan.

Bagaimanapun, sejak pengumuman peralihan kuasa dengan Abdullah dinamakan sebagai pengganti Dr Mahathir pada Oktober tahun depan, pasaran kembali pulih kerana ketidaktentuan sudah terlerai.

Penganalisis asing dan tempatan sependapat penurunan pasaran dijangka terus reda selepas ini kerana keyakinan pelabur kembali pulih dan mereka akan mula mengambil pegangan.

Abdullah turut diminta mengulas mengenai firma Amerika Syarikat, WorldCom Inc, yang dilaporkan terjebak dalam satu skandal penipuan akaun terbesar pernah dilaporkan, membabitkan AS\$3.8 bilion (RM14.44 bilion) baru-baru ini.

"Itulah seperti kata pepatah Melayu, kata dulang paku serpih, kata orang aku lebih," katanya merujuk tindak-tanduk firma gergasi Barat selama ini yang mendakwa mereka adalah lebih telus dan pengamal tadbir urus korporat yang cekap.

Abdullah berkata, urus tadbir korporat adalah isu yang penting kerana jika ia tidak diberi perhatian sepatutnya, ia bukan saja akan menjejaskan pasaran saham malah syarikat lain.

Katanya, urus tadbir korporat adalah sesuatu yang perlu diberi penekanan sebagai objektif yang paling penting setiap masa.

Abdullah berharap supaya semua syarikat Malaysia mengamalkan tadbir urus korporat yang baik dan tidak akan ada kegagalan sama yang berlaku kepada syarikat Amerika itu berlaku pula di Malaysia.

"Ia adalah sesuatu yang kita mesti elak. Tetapi pada masa yang sama, ketelusan juga penting," katanya.

Nasib malang WorldCom berlaku ketika Amerika dilanda beberapa skandal korporat yang menggoncang keyakinan pelabur di bursa saham Wall Street

selain menyaksikan pemegang saham mengemukakan saman.

Tahun lalu, Enron Corp terbabit dalam skandal muflis terbesar dalam sejarah Amerika kerana tidak melaporkan simpanan tunai dalam buku akaunnya.